

27 AUG 1996
Mahathir-Barat
MALAYSIA BERHAK TEGUR BARAT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Malaysia berhak menegur mana-mana negara termasuk Barat kerana sikap mereka yang tidak disenangi oleh negara ini tetapi itu tidak bermakna Malaysia harus bermusuhan dengan negara-negara tersebut, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita mempunyai hak untuk menegur yang buruk dan memuji apa yang baik yang dilakukan oleh siapa sahaja termasuk Barat," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata Malaysia berbaik-baik dengan negara yang ingin berbaik-baik dengan negara ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada langkah Malaysia untuk menjalin hubungan rapat dengan China dan negara-negara Asia Timur lain bermakna negara ini tidak lagi menumpukan perhatian kepada Barat.

Dr Mahathir memberitahu pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini sekembalinya dari lawatan kerja empat hari ke China bahawa negara-negara seperti China tidak berkata Malaysia tidak demokratik atau mencabul hak-hak asasi manusia dan cuba mengajar Malaysia bagaimana untuk mentadbir kerajaan atau negara.

"Jadi dengan orang (negara-negara) macam ini, kita bolehlah berbaik (tetapi) tidak bermusuhan dengan orang Barat. Tetapi kadang-kadang mereka (Barat) begitu sombong, angkuh dan cuba nak ajar macam mana kita patut membangunkan negara kita sedangkan negara mereka, mereka tidak boleh tadbir dengan baik.

"Jadi sukar untuk kita nak mengadakan perhubungan yang rapat dengan negara yang sombong. Sebaliknya, kita tidak menjadi musuh kepada mereka," kata beliau.

Ketika ditanya jika pergantungan Malaysia terhadap Barat semakin kurang sekarang, Dr Mahathir berkata Malaysia ingin mengadakan serta meneruskan hubungan perdagangan dengan semua negara.

"Lapanbelas peratus perdagangan kita ialah dengan Amerika Syarikat dan kita menghargainya. Juga hampir 20 peratus dengan Eropah. Kita nak teruskan. Tetapi kita mempunyai hak untuk menegur perbuatan mereka yang salah dan memuji mereka jika mereka buat sesuatu yang baik," kata beliau.

Perdana Menteri berkata walaupun Kuala Lumpur mempunyai hubungan perdagangan dengan Barat, mereka tidak pernah memuji Malaysia.

"Memang mereka kata kita ini buruk. (Barat kata) walaupun perhubungan antara kaum di Malaysia ternampak baik tetapi sebenarnya berobok dalam.

"Ini merupakan pandangan mereka setiap masa. Mereka beranggapan demikian untuk membuatkan pelabur hilang minat untuk melabur di Malaysia," katanya.

--BERNAMA
ES MAI